PP

lwn.

HALIM DIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, ALOR SETAR
HISHAMUDIN YUNUS H
[PERBICARAAN JENAYAH KEDAH NO: 45-1-96]
7 OKTOBER 1997

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kanun Keseksaan - Seksyen 302 - Bunuh - Pembuktian - Samada unsur kesalahan dibuktikan - Pembelaan - Samada suatu perbuatan tidak sengaja - Samada tertuduh menjalankan hak pertahanan persendirian - Kanun Keseksaan, ss. 80, 96, 302*

UNDANG-UNDANG KETERANGAN: *Anggapan - Inferens memudaratkan - Tuduhan membunuh - Menembak si mati dengan niat untuk menyebabkan kematian - Kegagalan memanggil saksi yang mungkin melihat tertuduh melepaskan tembakan - Samada inferens memudaratkan berbangkit - Akta Keterangan 1950, s. 114(g)*

Tertuduh, seorang pegawai polis, menghadapi tuduhan membunuh di bawah s. 302 Kanun Keseksaan. Fakta menunjukkan bahawa pada jam 1.45 pagi 16 November 1995, tertuduh berada di rumah No. 775, Lorong Kuda Kepang 4, Taman Ria Jaya, Sungai Petani ('rumah No. 775'). Rumah No. 775 ketika itu sedang diserbu oleh se pasukan pegawai pencegah maksiat, yang antara lain disertai oleh Muhiyaludin bin Jidun ('si mati'). Ekoran serbuan itu tertuduh bertindak melarikan diri dari rumah No. 775 melalui bumbungnya dan terjun ke kawasan rumah No. 777. Tertuduh kemudian memasuki kawasan rumah No. 778, dan disitu, beliau telah menembak si mati yang ketika itu berada di kawasan rumah No. 779. Pemeriksaan doktor menunjukkan bahawa akibat tembakan tersebut, si mati mengalami kecederaan usus yang serius dan meninggal dunia akibat "septic peritonitis, DIVC and multiple organ failure on account of his gunshot injuries".

Fakta juga menunjukkan bahawa seketika sebelum si mati ditembak, terdapat 7 orang di belakang rumah No. 777 termasuk SP19 dan si mati. Walau bagaimanapun, kecuali SP19, mereka-mereka yang lain tidak dipanggil oleh pendakwaan untuk memberi keterangan. SP19, antara lain, memberi keterangan bahawa beliau tidak melihat tertuduh menembak si mati, tetapi melihat si mati memasuki kawasan rumah No. 779 dengan bersenjatakan sebatang kayu ('P14'), mendengar tertuduh memberi amaran "siapa rapat saya tembak", dan spontan dengan itu mendengar bunyi tembakan. Keterangan doktor menunjukkan bahawa P14, jika digunakan untuk memukul di kepala, boleh mengakibatkan kematian atau kecederaan parah.

Tertuduh mengemukakan pembelaan-pembelaan di bawah s. 80 dan s. 96 Kanun Keseksaan, iaitu (i) bahawa tembakannya itu adalah perbuatan tidak sengaja, dan (ii) bahawa perbuatan menembak itu adalah perbuatan membela dirinya dari dibunuh atau dicedera parah. Dan dalam keterangannya tertuduh antara lain menyatakan (i) bahawa pada waktu material dia melihat orang-orang yang berada di luar rumah No. 775 bersenjatakan kayu dan cangkul (ii) bahawa beliau menyangka mereka adalah samseng-samseng tempatan yang datang untuk mencederakannya (iii) bahawa semasa berada di bumbung rumah No. 775, beliau mendengar orang-orang diluar berteriak "itu dia! itu dia! mana hang nak lari! mana hang nak lari! mampus hang malam ini!" (iv) bahawa ketika berada di kawasan rumah No. 778, dua lelaki telah menerkam kepadanya dan menghenyakannya ke pagar, dan beliau juga dipukul oleh beberapa lelaki lain (v) bahawa beliau telah menjerit "polis! polis!", memberi amaran "siapa rapat saya tembak !" dan juga cuba memberi tembakan amaran (vi) bahawa, walaupun telah memberi amaran, dua lelaki telah bergelut dengannya seolah-olah ingin merampas pistol beliau (vii) bahawa dalam pergelutan itu tembakan telah terlepas; dan (viii) bahawa beliau tidak pernah mengacukan pistolnya kepada sesiapa.

Di hadapan yang arif hakim, persoalan-persoalan penting berikut timbul untuk pemutusan, iaitu (i) samada pembelaan di bawah s. 80 dan s. 96 Kanun Keseksaan di sini boleh dipertahankan (ii) samada kegagalan pendakwaan memanggil saksi-saksi lain yang berada bersama-sama SP19 dan si mati ketika tembakan berlaku boleh membangkitkan anggapan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950.

Diputuskan:

[1] Ada tiga unsur yang perlu dibuktikan oleh pendakwaan, iaitu (i) bahawa mangsa telah mati; (ii) bahawa yang menyebabkan kematian adalah tertuduh; (iii) bahawa tertuduh menyebabkan kematian dengan niat untuk menyebabkan kematian atau dengan niat untuk menyebabkan kecederaan badan yang beliau tahu berkemungkinan akan menyebabkan kematian mangsa.

[2] Semua unsur-unsur kesalahan telah dibuktikan dengan jelas oleh pendakwaan. Mahkamah berpuas hati bahawa si mati meninggal dunia akibat tembakan pistol tertuduh yang menyebabkan si mati mengalami kecederaan di usus dan kemudiannya membawa kepada septik peritonitis dan septicaemia DIVC. Juga, terdapat cukup keterangan yang menunjukkan bahawa tertuduh telah menembak dengan niat untuk menyebabkan kecederaan pada bahagian perut si mati, yang mana tertuduh tahu berkemungkinan akan menyebabkan kematian si mati. Niat ini jelas kelihatan jika diambil kira bahawa, pertama, tertuduh ketika itu

bertindak untuk menghalang dirinya dari ditangkap oleh si mati dan kumpulannya, dan kedua, sebagai seorang pegawai polis yang biasa dengan penggunaan pistol, tertuduh boleh memilih sasarannya dan memilih untuk menembak ke arah perut si mati.

[3] Keterangan tertuduh bahawa beliau menyangka orang-orang yang berada di luar rumah No. 775 itu adalah samseng-samseng yang datang untuk mencederaknnya tidak dapat diterima. Tertuduh tentu arif bahawa samseng-samseng, jika ingin mencederakannya, tidak akan bertindak sebegitu bodoh, dengan datang beramai-ramai pada pukul satu pagi di taman perumahan dengan riuh rendah dan membawa kayu dan cangkul.

[3a] Tertuduh bertindak melarikan diri bukan kerana sangkaan bahawa orang-orang yang datang itu adalah samseng-samseng, tetapi kerana sebagai seorang pegawai polis yang beragama Islam dia tahu bahawa dia tidak sepatutnya berada di rumah No. 775 pada pukul satu pagi, dan dia tahu bahawa pegawai-pegawai Jabatan Agama Islam dan yang lain-lain yang berada di luar rumah No. 775 itu mensyaki dia melakukan kesalahan berkhalwat. Tindak tanduk tertuduh pada pagi itu menunjukkan bahawa dia dalam keadaan gelabah dan tidak mahu identitinya diketahui orang.

[4] Keterangan tertuduh bahawa beliau ada berteriak "polis! polis!" dan cuba memberi tembakan amaran, dan bahawa terdapat dua orang yang cuba merampas pistolnya, serta tembakan terlepas akibat pergelutan, juga tidak dapat diterima. Orang-orang yang mengambil bahagian dalam operasi cegah maksiat berkenaan adalah orang-orang biasa dan tidak mungkin mereka begitu berani untuk merampas pistol dari tangan tertuduh, tambahan pula jika tertuduh memperkenalkan dirinya sebagai seorang anggota polis. Tertuduh juga tidak perlu menunggu hingga ke saat akhir jika benar beliau ingin memberi tembakan amaran. Dengan demikian, atas keterangan, mahkamah harus menolak pembelaan perbuatan tidak sengaja di bawah s. 80 Kanun Keseksaan yang dikemukakan oleh tertuduh.

[5] Walaupun beberapa aspek keterangan tertuduh tidak dapat diterima, dakwaannya bahawa keselamatan dirinya terancam pada pagi itu boleh diterima kerana ada unsur-unsur yang boleh menjustifikasikan perbuatannya menembak si mati. Aspek keterangan ini adalah selaras dengan keterangan SP 19 yang memberi keterangan bahawa dia melihat si mati memasuki kawasan rumah No. 779 dengan bersenjatakan sebatang kayu seperti P14, dan ini berlaku semasa tertuduh berada dalam dalam kawasan rumah No. 778. SP19 juga memberi keterangan bahawa beliau ada mendengar tertuduh memberi amaran "siapa rapat saya tembak" dan spontan dengan itu mendengar bunyi tembakan.

[6] Berdasarkan fakta, inferens boleh dibuat bahawa si mati, apabila melihat tertuduh di kawasan rumah No. 778, dan sedang menuju ke kawasan rumah No. 779, beliau dengan bersenjatakan sebatang kayu telah memintas atau cuba menyekat tertuduh dengan memasuki kawasan 779 dan telah menghampiri tertuduh menyebabkan tertuduh memberi amaran "siapa rapat saya tembak !".

[6a] Adalah tidak perlu bagi si mati untuk membawa sebatang kayu sebesar P14 jika niat beliau cuma untuk menangkap tertuduh sahaja. Si mati pada pagi itu jelas bertindak dengan lebih aktif dari orang-orang lain seolah-olah ia bertekad untuk menangkap tertuduh, dan inferens boleh dibuat bahawa beliau tidak akan teragak-agak untuk menggunakan kayu yang dibawanya untuk mencederakan tertuduh. Dengan itu, mengambil kira keterangan bahawa P14 boleh menyebabkan kematian atau kecederaan parah jika dipukul di kepala, tertuduh berada dalam keadaan bahaya dan oleh itu berhak untuk menembak si mati seperti yang dilakukannya.

[7] Mengikut undang-undang, apabila tertuduh dipintas atau disekat oleh si mati, yang mengancamnya dengan sebatang kayu, tertuduh tidak perlu berundur. Dia malah berhak untuk melawan balik. Dan dalam memilih apakah tindakan yang wajar dilakukan olehnya, demi keselamatan dirinya, undang-undang tidak mengkehendaki tertuduh untuk menilai keadaan secara halus dan tepat. Berdasarkan fakta, dan autoriti-autoriti, tertuduh berhak untuk menembak ke arah bahagian mana sahaja tubuh si mati kerana niatnya adalah untuk menghalang kemaraan si mati, demi menjaga keselamatan dirinya. Undang-undang tidak memerlukan supaya pukulan terhadap tertuduh atau cubaan memukul dibuat terlebih dahulu sebelum hak penahanan diri sendirian dapat dijalankan oleh tertuduh.

[8] Keterangan orang-orang lain yang berada di belakang rumah bernombor 777 bersama-sama SP19 dan si mati adalah penting, memandangkan keterangan SP19 bahawa beliau tidak nampak tertuduh melepaskan tembakan. Ada kemungkinan besar bahawa lima orang yang lain itu juga melihat apa yang sebenarnya berlaku di antara tertuduh dan si mati. Kegagalan pendakwaan memanggil sekurang-kurangnya seorang lagi di antara lima orang ini adalah suatu persembunyian keterangan atau suppression of evidence, dan anggapan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 adalah terpakai.

[Tertuduh dibebaskan dan dilepaskan.]

Kes yang dirujuk:
Arulpragasan Sandaraju v. PP [1996] 4 CLJ 597 ***(dirujuk)***
Bahruni Ismail v. PP [1997] 3 CLJ 267 ***(diikuti)***
Chacko Matahai v. State of Kerala AIR [1964] Ker 222 ***(diikuti)***
Munusamy v. PP [1987] 1 CLJ 250 ***(diikuti)***
Musa Yusof v. PP [1953] 19 MLJ 71 ***(diikuti)***
Khoo Hi Chiang v. PP [1994] 2 CLJ 151 ***(dirujuk)***
PP v. Yeo Kim Bok [1971] 1 MLJ 204 ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:
Evidence Act 1950, s. 114(g)
Interpretation Acts 1948 & 1967, ss. 19, 77(c), (e), 180
Penal Code, ss. 80, 96, 97, 99, 100

Bagi pihak pendakwa raya - Ahmad Zaidi Ibrahim DPP
Bagi pihak tertuduh - V Sithambaram (S Parameswaran bersamanya)

Dilaporkan oleh WA Sharif

PENGHAKIMAN

Hishamudin Yunus H:

Kes hari ini adalah suatu kisah di mana suatu operasi mencegah maksiat telah berakhir dengan trajedi.

Di dalam kes ini pertuduhan adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 16.11.95 jam lebih kurang 2.15 pagi, di tepi rumah No. 778, Lorong Kuda Kepang 4, Taman Ria Jaya, Sungai Petani, di dalam Daerah Kuala Muda, di dalam Negeri Kedah, telah melakukan kesalahan membunuh dengan menyebabkan kematian ke atas Muhiyaludin bin Jidun KP No. 4768907, dengan demikian kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah sek. 302 Kanun Keseksaan.

Pihak pendakwaan telah memanggil 24 orang saksi kesemuanya untuk membuktikan kesnya. Fakta kes yang hendak dibentangkan oleh pendakwaan, secara ringkasnya, adalah seperti berikut. Pada 16 November 1995 jam lebih kurang 1.45 pagi mangsa (Muhiyaludin bin Jidun) menyertai satu operasi cegah maksiat yang membuat serbuan ke atas rumah No. 775, Lorong Kuda Kepang 4, Taman Ria Jaya, Sungai Petani. Semasa serbuan, tertuduh telah dilihat cuba melarikan diri dengan keluar dari rumah tersebut melalui bumbung rumah. Tertuduh kemudiannya telah terjun dari bumbung rumah dalam kawasan rumah berdekatan (No. 777) dan kemudiannya memanjat pagar masuk ke kawasan rumah nombor 778. Tertuduh telah memberi amaran “Siapa rapat, saya tembak!” Sejurus pada itu, satu tembakan telah berlaku yang mana telah mengenai dan menembusi badan mangsa. Tertuduh telah melarikan diri dan

menyerahkan diri di balai polis Sungai Petani. Mangsa telah dimasukkan ke Hospital Sungai Petani dan telah meninggal dunia pada 26 Disember 1995. Bedah siasat telah dijalankan di mana doktor mengesahkan bahawa mangsa telah meninggal dunia akibat "septic peritonitis, DIVC and multiple organ failure on account of his gunshot injuries."

Dalam kes ini tiga unsur (ingredient) perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Pertama, pendakwaan hendaklah membuktikan bahawa Muhiyaludin bin Jidun telah mati.

Kedua, pendakwaan hendaklah membuktikan bahawa yang menyebabkan kematian itu adalah tertuduh.

Dan ketiga, hendaklah dibuktikan bahawa tertuduh menyebabkan kematian itu dengan niat untuk menyebabkan kematian atau dengan niat untuk menyebabkan kecederaan badan yang mana tertuduh tahu berkemungkinan akan menyebabkan kematian simati (with the intention of causing such bodily injury as the offender knows to be likely to cause the death of the person to whom the harm is caused).

Adalah dipersetujui oleh kedua dua pihak, iaitu, pendakwaan dan pembelaan, bahawa unsur pertama telah dibuktikan dengan jelas oleh pendakwaan.

Unsur kedua dipertikaikan. Pembelaan mendakwa bahawa tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa tertuduhlah orang yang telah menembak si mati; dan andainya mahkamah mendapati bahawa tertuduhlah yang menembak si mati, tertuduh bukanlah orang yang menyebabkan kematian itu.

Pendakwaan telah memanggil beberapa orang saksi. Saya berpendapat bahawa berdasarkan keterangan saksi-saksi pendakwaan yang berikut:

(a) Fauziah bt. Salleh (SP14) penghuni rumah nombor 775 Jalan Kuda Kepang 4, Taman Ria Jaya, Sg. Petani:

(b) Penghulu Hj. Izham (SP15) yang mengetuai operasi mencegah maksiat ke atas rumah nombor 775;

(c) Abu Hanipah (SP19) salah seorang penduduk Taman Ria Jaya yang menganggotai pasukan pencegah maksiat;

(d) ASP Kumaran (SP13), Pegawai Penyiasat pertama dalam kes ini;

(e) Dr. Sarwan Singh (SP16) pakar ortopedik yang memeriksa tertuduh;

(e) L/Kpl Nor Azhar (SP17), pemilik rumah nombor 775;

berdasarkan keterangan saksi-saksi ini, saya membuat inferens atau penemuan fakta berikut –

(1) bahawa semasa di dalam rumah No. 775 tertuduh tahu bahawa orang-orang di luar rumah itu adalah pegawai-pegawai pencegah maksiat yang dibantu oleh orang-orang lain yang datang untuk mengkuatkuasakan undang-undang syariah berkaitan dengan kesalahan khalwat;

(2) bahawa tertuduh bertindak melarikan diri dari ditangkap oleh orang-orang ini;

(3) bahawa tertuduh telah keluar dari rumah nombor 775 dengan menggunakan tangga yang terdapat di airwell rumah itu untuk memanjat naik ke bumbung melalui airwell tersebut:

(4) bahawa lelaki yang kelihatan oleh SP15 dan SP19 berlari di atas bumbung rumah itu adalah tertuduh;

(5) bahawa tertuduhlah lelaki yang kemudiannya terjun ke tanah di kawasan rumah nombor 777, dan kemudiannya masuk ke kawasan rumah nombor 778; dan

(6) bahawa tertuduh telah menembak simati Muhiyaludin bin Jidun yang berada di kawasan rumah nombor 779, selepas memberi amaran, "Siapa rapat saya tembak!";

Saya ingin memperbetulkan keputusan (ruling) yang saya telah buat di awal perbicaraan ini dan ingin sekarang ini memutuskan bahawa keterangan ASP Kumaran (SP13) yang berbunyi seperti berikut:

> Berdasarkan siasatan saya, saya mendapat tahu yang seorang lelaki yang berada di dalam rumah itu telah melarikan diri dengan menaiki tangga itu.

adalah keterangan hearsay dan tidak boleh diterima.

Dari keterangan saksi-saksi berikut, iaitu,:

(1) K/Insp Mohd Zamri (SP12), Penolong Pegawai Turus Persenjataan, IPK Alor Setar;

(2) Ahli Kimia Sim Hock Lee (SP7);

(3) L/Kpl Rosly (SP9) Bahagian Keluar Masuk Senjata IPD Alor Setar

(4) ASP Kumaran (SP13) Pegawai Penyiasat pertama dalam kes ini;

(5) DSP Noor Rashid (SP21), Pegawai Penyiasat Utama dalam kes ini;

berasaskan keterangan mereka ini, saya buat inferens atau kesimpulan bahawa tertuduh telah menggunakan pistol jenis P. P. K. Walther 7.65mm (P15B) yang dikeluarkan oleh Jabatan Polis melalui SP9 kepadanya untuk menembak simati pada pagi berkenaan, dan dalam melarikan diri telah meninggalkan pistol itu tidak jauh dari tempat kejadian pada malam berkenaan.

Dari keterangan saksi-saksi pakar perubatan yang berikut, iaitu:

(1) Dr. Dr. Soo Chu Kang (SP10), Pegawai Perubatan di Bahagian Surgeri, Hospital Daerah Sg. Petani, yang telah merawat serta menjalankan pembedahan ke atas si mati;

(2) Dr. Khoo Boo Peng (SP8), Pegawai Perubatan, Bahagian Surgeri, Hospital Daerah Sg. Petani yang telah membantu SP10 ketika SP10 menjalankan pembedahan ke atas si mati;

(3) Dr. Shrivastava (SP11), Pakar Bedah dan Ketua Unit Surgeri, Hospital Daerah Sg. Petani;

(4) Dr. Zainol (SP5) Pakar Pathology, Hospital Daerah Alor Setar; yang telah menjalankan post mortem ke atas mayat si mati;

saya berpuashati bahawa simati telah meninggal dunia akibat tembakan pistol tertuduh yang menyebabkan si mati mengalami kecederaan di usus dan kemudiannya membawa kepada septik peritonitis dan septicaemia DIVC.

Saya berpendapat tidak ada kecuaian atau kesilapan prosidur rawatan oleh pihak hospital. Dan kalaupun terdapat kecuaian atau kesilapan prosidur rawatan, ini tidak menjejaskan kes pendakwa kerana, mengikut prinsip, apa yang penting ialah "operating and substantial cause", dan saya berpendapat bahawa "operating and substantial cause" kematian Muhiyaludin bin Jidun adalah kecederaan asal, iaitu, kecederaan di perut dan usus akibat tembakan pistol yang dilakukan oleh tertuduh.

Mengenai unsur ketiga, iaitu, niat tertuduh ketika menembak si mati, berasaskan keterangan pakar perubatan, saya berpendapat bahawa tertuduh menembak dengan niat untuk menyebabkan kecederaan pada bahagian perut (abdomen) si mati, yang mana tertuduh tahu berkemungkinan akan menyebabkan kematian simati (with the intention of causing such bodily injury as the accused knew to be likely to cause the death of the deceased). Niat ini adalah jelas kelihatan jika diambil kira bahawa, pertama, tertuduh pada malam itu telah bertindak untuk menghalang dirinya ditangkap oleh si mati dan kumpulannya yang mahu menangkap tertuduh kerana mensyaki tertuduh melakukan kesalahan berkhalwat; kedua, tertuduh adalah seorang pegawai polis yang biasa dengan penggunaan pistol dan boleh memilih sasarannya dan telah memilih untuk menembak ke arah perut simati; tertuduh tahu bahawa menembak seseorang itu di bahagian perut adalah suatu perbuatan yang sangat merbahaya dan boleh menyebabkan kematian.

Akta Kanun Acara Jenayah (Pindaan) 1997 telah disiarkan dalam Warta pada 30 Januari 1997. Berpandukan kepada s. 19 Interpretation Acts 1948 and 1967 (Act 388) pindaan ini berkuatkuasa sehari kemudian iaitu pada 31 Januari 1997. Ini bermakna s. 180 yang baru, yang dibawa oleh pindaan ini, yang memperkenalkan prinsip *"prima facie"*, untuk menentukan sama ada pembelaan patut dipanggil atau tidak di penghujung kes pendakwaan, berkuatkuasa mulai dari 31 Januari 1997.

Persoalan telah ditimbulkan sama ada, bagi kes yang di hadapan kita sekarang ini, mahkamah dikehendaki memakai s. 180 yang telah dimansuhkan itu ataupun mahkamah dikehendaki memakai s. 180 yang baru.

Andainya mahkamah dikehendaki memakai s. 180 yang telah di mansuhkan itu, iaitu, s. 180 yang lama, mahkamah mestilah memakai peruntukkan itu sepertimana ianya ditafsir oleh Mahkamah Agung dalam *Khoo Hi Chiang v. PP* [1994] 2 CLJ 151; [1994] 1 MLJ 265 dan oleh Mahkamah Persekutuan dalam *Arulpragasan a/l Sandaraju v. PP* [1996] 4 CLJ 597; [1997] 1 MLJ 1.

Saya berpendapat bahawa, oleh kerana semasa pindaan kepada s. 180 dikuatkuasakan, perbicaraan kes sekarang ini telahpun berjalan separuh jalan, maka berdasarkan s. 77(c) dan (e), Interpretation Acts 1948 and 1967 (Act 388), maka, undang-undang yang harus dipakai ialah s. 180 yang lama sepertimana ditafsirkan oleh kes *Khoo Hi Chiang* dan kes *Arulpragasan*. Ini bermakna prinsip yang harus dipakai untuk menentukan sama ada pembelaan harus dipanggil adalah prinsip "beyond reasonable doubt" dan bukannya prinsip *"prima facie"*. Dalam kes yang terbaharu, *Bahruni bin Ismail v. Pendakwa Raya* [1997] 3 CLJ 267, Mahkamah Persekutuan memutuskan:

> While we appreciate that section 180 CPC has now been amended to provide for a *prima facie* standard of proof at the close of the case for the prosecution, it cannot be gainsaid that, that amendment has no retrospective effect. There is nothing in the amendment itself to even suggest this. Therefore, it is never in doubt that Parliament in its wisdom has not made it retrospective. Both the learned DPP and the learned counsel for the appellant conceded this. Therefore, the amendment having been gazetted on 30th January 1997 would for all practical purposes come into effect only on 31st January 1997. Thus, the amendment would only be applicable to cases filed after that date and not to cases before that date and this would include decided cases pending appeal. In all cases before 31st January 1997 the beyond reasonable doubt standard of proof must of necessity apply as there can be only one interpretation of section 180 CPC all along, and that is as decided by the majority decision in *Arulpragasan.*

Pada 13 April 1997 saya memerintahkan supaya tertuduh membuat pembelaan.

Tertuduh memilih untuk membuat pembelaan atas keterangan bersumpah.

Pada 10 Ogos tertuduh memberi keterangannya. Tertuduh tidak memanggil saksi untuk menyokong keterangannya.

Mengikut tertuduh, dia mula berkhidmat dengan Polis Di Raja Malaysia sejak tahun 1981. Di peringkat permulaan, dia berkhidmat sebagai anggota berpangkat rendah dan ditugaskan sebagai seorang detektif di Cawangan Narkotik, Pulau Pinang. Dia berkhidmat di cawangan itu selama 12 tahun.

Pada tahun 1993, tertuduh dinaikkan ke pangkat Inspektor dan ditugaskan di Cawangan Kongsi Gelap, IPK, Kota Setar, Kedah.

Tertuduh mendirikan rumah tangga pada tahun 1995 dan pada masa yang material mempunyai dua orang anak.

Mengikut tertuduh, pada pukul 8 malam, 15 November 1995, iaitu, sehari sebelum kejadian tembakan berlaku, semasa dia masih di pejabatnya di IPK Kota Setar, saksi pendakwa ke-14, Cik Fauziah (SP14), telah menalipon dan memintanya tolong hantar dengan keretanya satu peralatan senaman (exerciser) dari rumah ibu Fauziah di Jalan Langgar, Alor Setar, ke rumahnya (iaitu, rumah Fauziah) di Taman Ria Jaya, Sungai Petani. Selepas tamat bertugas pada 11.30 malam, tertuduh pergi ke rumah ibu Fauziah untuk mengambil alat tersebut, dan kemudiannya dari situ dia bersama dengan Fauziah bertolak dengan keretanya ke rumah Fauziah di No. 775 Taman Ria Jaya, Sungai Petani.

Menurut tertuduh, mereka sampai di rumah Fauziah pada pukul 1 pagi. Fauziah telah mempelawa tertuduh masuk ke rumahnya untuk minum dahulu sebelum balik. Pada malam tersebut, turut berada di rumah itu, selain daripada mereka berdua, ialah adik perempuan Fauziah yang bernama Fazilah dan dua orang kanak-kanak yang merupakan anak-anak Fauziah.

Mengikut tertuduh, semasa dia berada di ruang tetamu rumah itu, ada terdengar bunyi orang riuh rendah di bahagian belakang di luar rumah itu. Tertuduh cuba periksa tetapi tidak berjaya membuka pintu belakang rumah tersebut; sebaliknya dia dengar suatu bunyi hentakkan yang kuat ke atas bahagian luar pintu itu.

Tertuduh menafikan yang dia ada dengar orang di luar rumah memberi salam beberapa kali dan memperkenal diri sebagai orang dari Majlis Agama Islam. Tertuduh juga menafikan yang dia tahu bahawa beberapa orang di luar rumah itu adalah pegawai dari Jabatan Agama Islam yang datang ke rumah Fauziah kerana mensyaki tertuduh melakukan kesalahan berkhalwat.

Mengikut tertuduh, dia menjenguk melalui tingkap belakang dan melihat orang-orang itu bersenjatakan kayu dan cangkul. Tertuduh sangka orang-orang yang berada di luar rumah itu adalah samseng-samseng tempatan yang datang untuk mencederakannya. Lalu dia mengunci semula pintu belakang dan mengambil keputusan untuk keluar dari rumah itu dengan memanjat ke bumbung rumah melalui *airwell.*

Semasa di atas bumbung, tertuduh mendakwa dia dengar orang-orang di luar itu berteriak "Itu dia! Itu dia! Mana hang nak lari! Mana hang nak lari! Mampus hang malam ini!"

Tertuduh berlari di atas bumbung beberapa kali, dari kiri ke kanan dan dari kanan ke kiri, untuk mencari ruang yang selamat untuk terjun, dan akhirnya dia telah terjun di bahagian belakang dalam kawasan rumah bernombor 777. Semasa terjun, tumit kaki kanannya patah, akibat hentakan kaki ke atas tanah. Walaupun dalam kesakitan, tertuduh melarikan diri menuju ke kawasan rumah bersebelahan yang bernombor 778.

Dari kawasan rumah nombor 777 tertuduh telah panjat pagar pemisahan kawasan dan memasuki kawasan rumah bernombor 778.

Mengikut tertuduh, semasa dalam kawasan rumah 778, kejadian berikut berlaku. Saya akan bacakan apa sebenarnya telah dikatakan oleh tertuduh dalam keterangannya:

> Setibanya di halaman rumah 778 di bahagian belakang, tiba-tiba dua lelaki telah menerkam saya dan menghenyakkan saya ke pagar dan menolak saya ke pagar yang memisah rumah 778 dan 779. Dalam masa yang sama, saya telah dipukul oleh beberapa lelaki yang berada di dalam pagar 779 dan jika saya tidak tunduk untuk menyelamatkan diri, pukulan mereka akan singgah di kepala saya.
>
> Saya telah tunduk dan pukulan bertalu-talu. Pukulan itu kena pada pagar dan beri bunyi yang amat kuat. Perasaan saya pada ketika itu ialah nyawa saya terancam. Saya fikirkan mereka berniat untuk pukul saya. Saya undur ke belakang. Saya jerit, "Polis! Polis!" beberapa kali. Saya cabut pistol di pinggang dengan niat untuk melepaskan tembakan amaran di udara. Dalam masa yang sama saya memberi amaran, "Siapa rapat, saya tembak!" Pada masa itu, dua lelaki tadi bergelut seolah-olah ingin merampas senjata api yang saya pegang. Dalam pergelutan itu, tembakan terlepas. Saya tidak tahu ke arah mana tembakan itu terlepas. Tidak tahu kerana di dalam pergelutan. Saya tidak ada mengacukan pistol kepada sesiapa dengan niat untuk menembak. Saya tidak nampak ke arah mana peluru itu terlepas. Tujuan saya mengeluarkan pistol dan hendak tembak di udara ialah untuk menghalang mereka dari memukul dan mencederakan saya.
>
> Selepas tembakan terlepas, mereka melarikan diri, dan saya keluar melalui pagar 779 dan terus pergi ke bahagian tanah lapang di bahagian belakang rumah taman perumahan, maksud saya di luar pagar belakang.
>
> Selepas tembakan, saya tidak sedar pistol itu di mana dan saya telah syaki pistol telah jatuh kerana saya tidak dapat mengawal keadaan kaki saya yang parah.
>
> Semasa sampai di kawasan lapang di belakang rumah, saya nampak patrol car datang dan menyuluh kawasan itu, Saya tahan dan di dalam patrol car itu, saya berjumpa dengan Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Kuala Muda, DSP Abu Shariman dan saya memaklumkan yang senjata api saya telah jatuh dan dia minta hubungi anggota polis dengan tujuan mencari senjata api itu.

Berdasarkan keterangan di atas, tertuduh telah mengemukakan dua pembelaan: pertama, pembelaan bahawa tembakan itu adalah perbuatan tidak sengaja; dan, kedua, pembelaan bahawa perbuatan menembak itu adalah perbuatan membela dirinya dari dibunuh atau dicedera parah.

Seksyen 80 Kanun Keseksaan memperuntukkan –

80. **Accident in the doing of a lawful act.**

Nothing is an offence which is done by accident or misfortune, and without any criminal intention or knowledge, in the doing of a lawful act in a lawful manner, by lawful means, and with proper care and caution.

Seksyen 96 pula memperuntukkan –

96. **Nothing done in private defence is an offence.**

Nothing is an offence which is done in the exercise of the right of private defence.

Seksyen 97 memperuntukkan –

97. **Right of private defence of the body and of property.**

Every person has a right, subject to the restrictions contained in section 99, to defend –

First – His own body, and the body of any other person, against any offence affecting the human body;

Secondly – The property, whether movable or immovable, of himself or of any other person, against any act which is an offence falling under the definition of theft, robbery, mischief, or criminal trespass, or which is an attempt to commit theft, robbery, mischief, or criminal trespass.

Section 99 memperuntukkan had-had ke atas hak mempertahankan diri.

99. **Acts against which there is no right of private defence.**

First – There is no right of private defence against an act which does not reasonably cause the apprehension of death or of grievous hurt, if done, or attempted to be done, by a public servant acting in good faith under colour of his office, though that act may not be strictly justifiable by law.

Second – There is no right of private defence against an act which does not reasonably cause the apprehension of death or of grievous hurt, if done, or attempted to be done, by the direction of a public servant acting in good faith under colour of his office, though that direction may not be strictly justifiable by law.

Third – There is no right of private defence in cases in which there is time to have recourse to the protection of the public authorities.

Fourth – The right of private defence in no case extends to the inflicting of more harm than necessary to inflict for the purpose of defence.

Seksyen 100 memperuntukkan –

100. **When the right of private defence of the body extends to causing death.**

The right of private defence of the body extends, under the restrictions mentioned in the last preceding section, to the voluntary causing of death or of any other harm to the assailant, if the offence which ocassions the exercise of the right be any of the descriptions hereinafter enumerated.

First – Such an assault as may reasonably cause the apprehension that death will otherwise be the consequence of such assault;

Secondly – Such an assault as my reasonably cause the apprehension that grievous hurt will otherwise be the consequence of such assault;

(Selain dari dua hal-keadaan ini, ada lagi empat hal-keadaan yang saya rasa tidak perlu saya sentuh bagi maksud kes di hadapan saya ini.)

Saya tidak dapat menerima keterangan tertuduh yang berikut.

Pertama, saya tidak dapat menerima keterangan tertuduh bahawa dia tidak mendengar pemberian salam dan pengenalan diri yang telah dilafazkan oleh Hj. Izham, saksi pendakwa yang ke-15. Saya percaya dia dengar pemberian salam dan pengenalan diri yang diberikan oleh SP15 itu. Encik Hanipah (iaitu, SP19) sendiri ada mengatakan dalam keterangannya bahawa semasa dia berada di belakang rumah itu dia ada mendengar salam yang diberikan oleh SP15.

Kedua, saya tidak dapat menerima keterangan tertuduh bahawa dia tidak tahu bahawa orang-orang di luar rumah itu adalah pegawai-pegawai Jabatan Agama Islam yang telah datang untuk menyiasat sama ada suatu kesalahan khalwat telah dilakukan di dalam rumah bernombor 775. Pada hemat saya, dia tahu siapakah mereka orang-orang di luar rumah itu, iaitu, pegawai-pegawai Jabatan Agama Islam.

Ketiga, saya tidak dapat menerima keterangan tertuduh bahawa dia menyangka orang-orang yang berada di luar rumah itu adalah samseng-samseng yang datang untuk mencederakannya. Pada pendapat saya, sebagai seorang pegawai polis di Cawangan Kongsi Gelap tertuduh sendiri tahu bahawa jika benar ada samseng-samseng yang menaruh dendam ke atasnya mereka tidak akan bertindak dengan cara begitu. Jika samseng-samseng itu berniat hendak membunuhnya, mengapa tunggu sehingga tertuduh berada di rumah Fauziah di Sungai Petani sedangkan tertuduh tinggal di Alor Setar dan berkhidmat di IPK Alor Setar. Samseng-samseng itu, jika mereka mahu mencederakan

tertuduh, adakah mereka akan datang beramai-ramai pada pukul 1 pagi di suatu taman perumahan dengan riuh rendah dan dengan menggunakan kayu dan cangkul? Sebagai seorang pegawai dalam Cawangan Kongsi Gelap tertuduh tentu lebih arif bahawa di zaman sekarang samseng-samseng tidak akan bertindak sebegitu bodoh. Juga, jika benar tertuduh mempercayai yang ianya diancam oleh samseng-samseng pada pagi itu nescaya perkara ini akan dilaporkan serta merta olehnya kepada DSP Shariman pada malam itu sebaik sahaja tibanya patrol car yang membawa beliau. Tetapi, anih sekali tertuduh tidak berbuat demikian; apabila menaiki patrol car, dia cuma memberitahu DSP Shariman tentang kehilangan pistolnya.

Berasaskan keterangan, saya berpendapat bahawa tertuduh tahu bahawa dari segi agama dan adat resam orang Melayu dia tidak sepatutnya berada di rumah Fauziah pada waktu itu, iaitu, pukul satu pagi. Sebagai seorang lelaki Islam dia sendiri tahu bahawa perbuatannya itu akan menimbulkan syak wasangka kepada masyarakat orang Islam di kawasan perumahan itu.

Saya berpendapat bahawa tertuduh memilih untuk melarikan diri bukanlah kerana dia sangka bahawa orang-orang yang datang itu adalah samseng-samseng sepertimana didakwa olehnya. Sebenarnya tertuduh melarikan diri kerana, sepertimana saya katakan tadi, sebagai seorang pegawai polis yang beragama Islam dia tahu bahawa dia tidak sepatutnya berada di rumah itu pada pukul satu pagi, dan dia tahu bahawa pegawai-pegawai Jabatan Agama Islam dan yang lain-lain yang berada di luar rumah itu mensyaki dia melakukan kesalahan berkhalwat dengan Fauziah. Apakah sebenarnya status Fauziah, sama ada dia seorang isteri atau janda, tidak dijelas dalam keterangan. Tetapi, oleh kerana keterangan menyatakan bahawa beliau mempunyai dua orang anak, maka, saya membuat kesimpulan bahawa dia mempunyai suami. Jelas sekali suaminya tidak ada di rumah semasa dia mempelawa tertuduh masuk ke rumahnya. Juga adalah jelas bahawa tertuduh bukanlah ahli muhrimnya ataupun mempunyai apa-apa pertalian darah dengannya. Tertuduh menafikan bahawa dia telah melakukan kesalahan berkhalwat kerana terdapat juga orang lain di rumah itu, iaitu, Fazilah dan dua orang kanak-kanak. Sama ada dia benar-benar bersalah atau tidak atas kesalahan berkhalwat, itu adalah soal lain dan mahkamah ini bukanlah forum untuk memutuskan persoalan ini. Yang pentingnya tertuduh sendiri berasa bersalah dan tidak mahu disiasat, dan tindak tanduknya pada pagi itu juga menunjukkan dia dalam keadaan gelabah dan tidak mahu identitinya diketahui orang.

Saya tidak dapat menerima keterangan tertuduh bahawa dia ada teriak “Polis! Polis!” serta mencabut pistolnya untuk memberi tembakan amaran; saya tidak dapat menerima keterangannya bahawa terdapat dua orang dalam kawasan rumah nombor 778 yang cuba merampas pistol tertuduh dari tangannya; dan saya juga tidak dapat menerima keterangannya bahawa tembakan terlepas

akibat pergelutan. Orang-orang taman perumahan Taman Ria Jaya yang mengambil bahagian dalam operasi mencegah maksiat pada pagi itu adalah orang-orang biasa sahaja dan bukannya penjenayah profesional. Bagaimana bersemangat sekalipun orang-orang yang mengambil bahagian dalam operasi pada pagi itu, saya percaya mereka tidak akan berani untuk merampas pistol dari tangan tertuduh, tambah lagi jika tertuduh telah memperkenalkan dirinya sebagai pegawai polis. Jika benar tertuduh berniat untuk memberi tembakan amaran atau untuk memperkenalkan dirinya sebagai pegawai polis, mengapa tertuduh menunggu sehingga saat-saat yang mendesak untuk berbuat demikian? Mengapa tindakan memperkenalkan diri atau memberi tembakan amaran tidak dilakukan dimasa yang lebih awal serta sesuai, iaitu, semasa dia berada di atas bumbung rumah?

Berdasarkan keterangan secara keseluruhannya saya dapat dengan mudahnya menolak pembelaan pertama tertuduh, iaitu, pembelaan perbuatan tidak sengaja di bawah s. 80.

Mengenai pembelaan altenatif, iaitu, pembelaan hak pertahanan sendirian (right of private defence) yang bijaksana Timbalan Pendakwa Raya berhujah bahawa sekiranya mahkamah menolak penjelasan tertuduh tentang bagaimana tembakan itu berlaku, mahkamah tidak ada lain pilihan tetapi mesti mendapati tertuduh bersalah atas pertuduhan. Dengan hormat, hujah ini saya tidak dapat terima kerana mahkamah masih mempunyai kewajipan untuk bukan sahaja menilai keterangan pembelaan tetapi juga keterangan pendakwaan, dan diakhir perbicaraan jika mahkamah tidak berpuashati bahawa pendakwaan telah membuktikan kesnya tanpa keraguan munasabah, mahkamah harus membebaskan tertuduh. Dan begitu juga, jika di akhir perbicaraan, mahkamah berpuashati bahawa berdasarkan penelitian kes secara menyeluruh ada keterangan-keterangan, termasuklah keterangan saksi-saksi pendakwaan sendiri, yang menunjukkan bahawa atas imbangan kebarangkalian keselamatan diri tertuduh diancam dan dia bertindak untuk menyelamatkan dirinya dari dibunuh atau dicederakan dengan parah, maka, mahkamah harus membebaskan tertuduh.

Dalam kes di hadapan saya, walaupun saya tidak dapat menerima keterangan tertuduh berkaitan dengan aspek-aspek keterangannya yang saya sentuh sebentar tadi, namun, saya dapat menerima dakwaannya bahawa keselamatan dirinya terancam pada pagi itu dan ada unsur-unsur yang boleh menjustifikasikan perbuatannya menembak simati. Ini adalah kerana terdapatnya aspek keterangannya yang selaras dengan keterangan saksi pendakwaan sendiri, iaitu, keterangan Hanipah (SP19). Hanipah ada beri keterangan bahawa dia nampak simati memasuki kawasan rumah bernombor 779 dengan bersenjatakan sebatang kayu, dan ini berlaku semasa tertuduh sedang berada dalam kawasan rumah bernombor 778. Tertuduh mendakwa bahawa kayu itu adalah barang kes P14. Walaupun Hanipah tidak dapat pastikan sama ada kayu yang dibawa

oleh simati itu adalah barang kes P14, namun, mengikut ASP Kumaran (SP13 - Pegawai Penyiasat pertama) kayu P14lah yang dijumpai oleh beliau di tempat kejadian berdekatan suatu tompokan darah. Mahkamah membuat inferens bahawa kayu yang digunakan oleh simati adalah P14. Hanipah juga ada memberi keterangan bahawa semasa simati memasuki kawasan rumah bernombor 779 dengan membawa kayu P14 dia terdengar tertuduh memberi amaran, "Siapa rapat, saya tembak!" Dan dengan spontan kedengaran bunyi tembakan. Saya membuat inferens di sini bahawa simati, apabila melihat tertuduh berada di kawasan 778 dan sedang menuju ke kawasan 779, beliau dengan bersenjatakan sebatang kayu telah memintas atau cuba menyekat tertuduh dengan memasuki kawasan 779 dan telah menghampiri tertuduh, menyebabkan tertuduh memberi amaran "Siapa rapat saya tembak!". Persoalannya di sini ialah: mengapa perlu bagi simati untuk membawa sebatang kayu sebesar P14 jika niat beliau adalah cuma untuk menangkap tertuduh sahaja? Bukankah lebih senang mengejar orang tanpa membawa bersama barang yang berat seperti kayu P14? Saya berpendapat bahawa keterangan menunjukkan bahawa simati bertindak pada pagi itu dengan lebih aktif dari orang-orang yang lain seolah-olah ia bertekad untuk menangkap tertuduh dan inferens boleh dibuat bahawa beliau tidak akan teragak-agak untuk menggunakan kayu yang dibawanya itu untuk mencederakan tertuduh. Simati tidak ada menerima apa-apa arahan dari Hj. Izham untuk menangkap tertuduh oleh itu dia tidak ada hak untuk menyekat pergerakan tertuduh, dan tertuduh pula tidak ada kewajipan untuk menyerah diri kepada simati. Dalam hal-keadaan kes ini, saya berpendapat bahawa tertuduh berada dalam keadaan bahaya dan oleh itu berhak untuk menembak simati sepertimana yang ia telah lakukan.

Timbalan Pendakwa Raya berhujah bahawa andainya tertuduh berhak untuk membela diri, tindakannya menembak tertuduh di perut itu adalah suatu perbuatan yang melampau. Tertuduh sepatutnya cuma menembak simati di kaki sahaja untuk melumpuhnya kerana terdapat pagar pemisahan di antara tertuduh dengan simati ketika tembakan dibuat. Dengan hormatnya, saya tidak dapat menerima hujah ini. Saya berpendapat bahawa undang-undang jenayah negara kita memberi ruang tindakan yang luas pada sesiapa sahaja yang menjalankan haknya untuk membela diri. Dalam hal-keadaan kes di hadapan saya, terdapat situasi di mana tertuduh ingin melepaskan dirinya dari dikejar oleh mereka yang berada di bahagian belakang rumah. Mereka tidak diberi apa-apa arahan oleh Tuan Hj. Izham untuk mengejar tertuduh, apatah lagi untuk mencederakan tertuduh dengan mengunakan kayu seperti P14. Tertuduh hendak lari dari kawasan rumah bernombor 778 ke kawasan rumah bernombor 779 tetapi dia dipintas dan cuba disekat oleh simati yang bersenjatakan P14. Mengikut keterangan doktor, kayu sebesar P14 jika digunakan untuk memukul di kepala boleh mengakibatkan kematian ataupun kecederaan parah. Mengikut undang-undang, apabila tertuduh di pintas atau disekat oleh simati, yang

mengancamnya dengan sebatang kayu, tertuduh tidak perlu berundur. Dia berhak untuk melawan balik orang yang menyerangnya. Dan dalam memilih apakah tindakan yang wajar dilakukan olehnya, demi keselamatan dirinya, undang-undang tidak menghendaki tertuduh untuk menilai keadaan secara halus dan tepat. Dalam kes *Chacko Matahai v. State of Kerala* (AIR [1964] Ker. 222, 225) Mahkamah Tinggi Kerala berkata:

> The right of self-defence is a high prized gift granted to the citizens to protect themselves by effective self resistance against unlawful aggression. No man is expected to fly away when he is attacked. He could fight back and when he apprehends death or grievous hurt he could see that his adversary is vanquished without modulating his defence step by step. Faced with a dangerous adversary, no man can possibly act with a detached reflection and under such circumstances if he travels a little beyond the limit, the law protects him and hence courts should not place more restrictions on him than the law demands.

Dalam kes *Musa bin Yusof v. Public Prosecutor* [1953] 19 MLJ 71 Mathew HB berkata:

> The law in this country gives greater latitude to a person who is attacked than does the law in England. In England, if self-defence is to be successful, the attacked must attempt to disengage himself from the attack, and his killing the assailant is only excusable if there was no other way of saving his life. The law which is applicable in this country is fully set out in *Alingan Kunhinayan & Anor v. The Emperor* [ILR 28 Mad. 454]. The learned Sessions Judge in that case made the following observation:
>
> > It is urged on behalf of the first accused that he was justified in the exercise of his right of private defence of his person in stabbing deceased when he attacked him with a knife. First accused had undoubtedly a right to defend himself but I think it is clear that he exceeded the right of private defence which he possessed. First accused was certainly not justified in wresting the knife from deceased and inflicting a dangerous wound in the chest. There is no reason, I think, to suppose that first accused could not have escaped further injury by resorting to less violence or by running away. It was not necessary for first accused's own preservation that he should have inflicted such grievous bodily harm.
>
> The Court of Appeal commented on this passage as follows:
>
> > On the facts of the case we cannot agree with the view of the law taken by the learned judge. We do not think it can be said that the first accused exceeded the right of private defence. The learned judge suggests that the first accused could have escaped further injury by resorting to less violence or running away. But, this is placing a greater restriction on the right of private defence of the body than the law requires.

The principle applicable to a case like this is that laid down by Mayne:

> But a man who is assaulted is not bound to modulate his defence step by step, according to the attack, before there is reason to believe the attack is over. He is entitled to secure his victory, as long as the contest is continued. He is not obliged to retreat, but may pursue his adversary till he finds himself out of danger and if, in a conflict between them, he happens to kill, such killing is justifiable. And, of course, when the assault has once assumed a dangerous form every allowance should be made for one, who, with the instict of self-preservation strong upon him, pursues his defence a little further than to a perfectly cool by-stander would seem absolutely necessary. The question in such cases will be, not whether there was an actually continuing danger, but whether there was a reasonable apprehension of such danger.

Berdasarkan autorit-autoriti ini dan juga hal-keadaan kes di hadapan saya, saya memutuskan bahawa tertuduh berhak untuk menembak ke arah bahagian mana sahaja tubuh simati kerana niatnya adalah untuk menghalang kemaraan simati, demi menjaga keselamatan dirinya.

Yang bijaksana Timbalan Pendakwa Raya berhujah bahawa tertuduh tidak ada hak untuk menembak simati kerana tidak ada keterangan bahawa simati telah memukul atau cuba memukul tertuduh dengan kayu P14. Hujah ini juga saya tidak dapat terima. Undang-undang tidak memerlukan supaya pukulan terhadap tertuduh atau cubaan memukul dibuat terlebih dahulu sebelum hak penahanan sendirian dapat dijalankan oleh tertuduh. Dalam kes *Public Prosecutor v. Yeo Kim Bok* [1971] 1 MLJ 204, 205 Sharma H berkata:

> I think I can do no better than quote a few passages from "Culpable Homicide and Legal Defence" by K. C. Mehrotra:
>
> > Section 11 does not lay down grievous hurt must be actually caused by the assailant before the right of private defence is available to the accused. All that the section requires is that the person claiming the right of private defence be under a *bona fide* apprehension of fear that death or grievous hurt would otherwise be the consequence of the assault on him if he does not defend himself.
> >
> > What constitutes a reasonable apprehension of death or grievous bodily injury is always a question of fact to be decided upon the peculiar facts and circumstances of each case. The source of aprehension can be the weapon, the manner of its use, the mental and physical attitude of the person uttering the threat, his capacity to execute the threat and so on and so forth. The relative strength of the combatants is sometimes material ...

Peguambela yang bijaksana, Encik Sithambaram, dalam hujahnya di peringkat pembelaan, juga telah meminta saya mempertimbangkan semula kes pendakwaan, sama ada pendakwaan telah benar-benar membuktikan kesnya tanpa keraguan munasabah. Beliau berhujah bahawa ada lima orang saksi yang sangat penting yang telah tidak dipanggil oleh pendakwaan. Mereka adalah orang-orang yang terlibat dalam operasi yang ada bersama Hanipah di belakang rumah. Nama-nama mereka ada disebut oleh Hanipah. Mereka adalah:

(1) Yusof bin Hood;

(2) Jamin;

(3) Mustafa atau Che Pa;

(4) Rashidi; dan

(5) Razali.

Encik Sithambaram berhujah bahawa atas kegagalan untuk memanggil ini mahkamah wajar membuat anggapan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan bahawa jika saksi-saksi ini dipanggil keterangan mereka akan memihak kepada kes pembelaan. Encik Ahmad Zaidi Ibrahim, menjawab bahawa adalah menjadi hak pendakwaan untuk memutuskan bilangan dan yang mana satu saksi harus dipanggil oleh pendakwaan; dan beliau menambah bahawa apa jua sekalipun orang-orang yang namanya disebut oleh peguambela itu telahpun ditawarkan kepada pembelaan.

Memang diakui bahawa adalah hak pendakwaan untuk menentukan siapakah yang wajar dipanggil untuk menjadi saksi-saksi pendakwaan. Walau bagaimanapun, saya berpendapat bahawa hak ini hendaklah dijalankan secara munasabah. Penentuan jumlah saksi atau siapa yang patut dipanggil menjadi saksi hendaklah ditentukan atas dasar untuk mencari kebenaran demi menegakkan keadilan, dan tidak sepatutnya ditentukan berlandaskan taktik perundangan atau taktik perbicaraan semata-mata. Di dalam kes di hadapan mahkamah, mengikut keterangan, sebaik sahaja sebelum tembakan berlaku terdapat tujuh orang di belakang rumah yang bernombor 777, dan jumlah ini termasuk Hanipah dan simati. Walau bagaimanapun, semasa perbicaraan pendakwaan cuma memanggil seorang sahaja sebagai saksi pendakwaan, iaitu, Hanipah, sedangkan kemungkinan besar lima orang yang lain itu juga melihat apa sebenarnya yang berlaku di antara tertuduh dengan simati. Kemungkinan besar keterangan mereka dapat membantu mahkamah untuk mengetahui apakah keadaan sebenarnya ketika tertuduh melepaskan tembakan ke atas simati. Keterangan mereka adalah penting memandangkan bahawa Hanipah sendiri memberitahu mahkamah bahawa beliau tidak nampak tertuduh melepaskan tembakan. Dia cuma dengar bunyi amaran dan tembakan sahaja. Jika Hanipah

tidak nampak, tidak semestinya yang lain-lain yang ada bersamanya itu juga tidak nampak. Mahkamah tidak tahu apakah pernyataan yang telah diberikan kepada pegawai penyiasat oleh lima orang yang lain itu. Hanya Timbalan Pendakwa Raya sahaja yang arif tentang ini kerana beliau mempunyai akses kepada kertas siasatan. Tetapi individu-individu ini jika dipanggil sebagai saksi, keterangan mereka di mahkamah tidak semestinya sama dengan pernyataan yang mereka telah berikan kepada pegawai penyiasat. Adakalanya saksi-saksi kepada sesuatu kejadian itu tidak mahu berterus terang dengan pegawai penyiasat kerana sebab-sebab tertentu atau kerana tidak mahu terlibat dengan perbicaraan di mahkamah. Mereka menyembunyikan daripada pegawai penyiasat apa yang mereka tahu atau lihat. Tetapi, mereka ini jika dipanggil juga sebagai saksi, dan memberi keterangan atas sumpah di mahkamah, tidak semestinya menunjukkan sikap yang sama kepada mahkamah.

Di dalam kes di hadapan saya pada hari ini, saya tidak bermaksud bahawa pihak pendakwaan mesti memanggil kesemua lima orang individu yang lain itu. Namun begitu, saya berpendapat bahawa kegagalan pihak pendakwaan untuk memanggil sekurang-kurangnya seorang lagi di antara lima orang yang namanya saya sebutkan tadi adalah merupakan suatu penyembunyian keterangan (supression of evidence) (Sila rujuk *Munusamy v. Public Prosecutor* [1987] 1 CLJ 250; [1987] 1 MLJ 492). Justeru itu, anggapan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan adalah terpakai. Anggapan ini adalah:

> The Court may presume -
>
> (g) that evidence which could be and is not produced would if produced be unfavourable to the person who withholds it.

Berdasarkan faktor ini saya memutuskan, secara alternatif, bahawa pendakwaan telah gagal untuk membuktikan kesnya tanpa keraguan munasabah.

Berasaskan alasan-alasan yang diberi ini mahkamah mendapati tertuduh tidak bersalah dan oleh itu adalah dibebaskan dan dilepaskan.